



APPGM-SDG
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020



LAPORAN AWAL

Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM – SDG



**KEMISKINAN
(SABAH)**

Senarai Kehadiran

AHLI-AHLI PARLIMEN (PENGERUSI BERSAMA)

YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy (P169 - Kota Belud)

YB Tuan Rushdan bin Rusmi (P011 - Padang Besar)

AHLI-AHLI PARLIMEN YANG HADIR

YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan (P042 - Tasek Gelugor)

YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (P154 - Mersing)

YB Dr. Hajah Halimah Ali (P109- Kapar)

YB Tuan Mordi anak Bimol (P192 - Mas Gading)

YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid (P048 - Bukit Bendera)

YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (P088 - Temerloh)

YB Dr. Siti Mastura binti Muhammad (P041 - Kepala Batas)

YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (P112 - Kuala Langat)

YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib (P213 - Mukah)

YB Datuk Wetrom bin Bahanda (P168 - Kota Marudu)

YB Tuan Riduan bin Rubin (P181 - Tenom)

YB Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy (P191- Kalabakan)

YB YB Dato' Verdon bin Bahanda (P167 - Kudat)

YB Tuan Lo Su Fui (P190 - Tawau)

YB Senator Isaiah a/l D. Jacob (Ahli Dewan Negara)

YB Dr. Haji Abd Ghani bin Ahamd (P005 - Jerlun)

YB Datuk Ali anak Biju (P205 - Saratok)

YB Tuan Jamaludin (P073 - Pasir Salak)

YB Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shein (P209 - Julau)

YB Tuan Haji Mohd Hasnizan Harun (P094 - Hulu Selangor)

YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan (P180 - Keningau)

YB Datuk Matbali bin Musah (P178 - Sipitang)

PAKAR-PAKAR BIDANG

Dr. Jain Yassin (*UiTM Sabah*)

AHLI-AHLI KUMPULAN SIVIL

Kon Onn Sein (*Yayasan Kajian dan Pembangunan Masyarakat*)

Dr. Lin Mui Kiang (*PROHAM*)

Dato Indrani Thuraisingham (*FOMCA*)

Jeffrey Phang (*PRISMA*)

Dr. Wan Puspa Melati (*PSSM*)

Nur Hannani (*URBANICE Malaysia*)

Sitti Aisyah Orlando (*UiTM Sabah*)

Mary Anne K. Baltazar (*Advocates for Non-Discrimination and Access to Knowledge (ANAK)*)

Masneh Abd Ghani (*Institute of Development Studies Sabah*)

Mohd Rizal bin Muslihin (*Institute of Development Studies Sabah*)

Faridah Suffian (*Institute of Development Studies Sabah*)

Sophia Hong (*Institute of Development Studies Sabah*)

Isaac Xavier Leopado (*Institute of Development Studies Sabah*)

Fernando Jerry (*Institute of Development Studies Sabah*)

Gary Jeol Melvin Majanga (*Institute of Development Studies Sabah*)

PRAKATA

Yang Berhormat Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis@Fakharudy
Pengerusi APPGM-SDG

Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria
Ketua Sekretariat APPGM-SDG

Bagi pihak Jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat APPGM-SDG, prakata ini kami nukilkan bersama sempena pelancaran siri lapan Laporan Awal Dasar hasil daripada siri perbincangan kumpulan fokus dasar yang telah kami anjurkan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan yang lain pada tahun ini. Aktiviti ini julung-julung kali dijalankan oleh APPGM-SDG dan merupakan langkah ke hadapan yang penting dalam proses advokasi dasar kami yang telah berlangsung sejak tahun 2020.

Antara tahun 2020 dan 2024, kami telah menggunakan **lima strategi** dalam usaha untuk membangunkan pendekatan advokasi dasar yang berasaskan bukti dan analisa yang berpandukan dapatan dari peringkat akar umbi.

Strategi pertama adalah untuk memetakan keperluan sosioekonomi tempatan.¹ Bagi tujuan ini, kami telah menjalankan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai dan agensi-agensi daerah. Kami telah menjalankan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama komuniti-komuniti setempat untuk tempoh tiga ke empat hari.² Melalui gerak kerja ini kami telah mengenal pasti masalah utama dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Selepas kerja lapangan, penyelidik APPGM-SDG telah menyediakan satu laporan pemetaan bagi kawasan parlimen tersebut. Para penyelidik juga telah berkongsi laporan tersebut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan untuk pengesahan mereka bagi isu-isu yang telah dikenal pasti.³ Daripada laporan-laporan telah disediakan, kami telah menerbitkan laporan analisis situasi pada tahun 2022 dan 2023.⁴

¹ APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

² APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

³ Realiti Akar Umbi (jilid 1-5), https://appgm-sdg.com/resource_library/

⁴ Three publications. (1) Localising SDGs and Local Issues (2022), (2) Localising SDGs and Grassroots Concerns of six vulnerable groups in Malaysia (2023) and (3) SDGs and Grassroots Realities: Seven community case studies in Malaysia (2023). https://appgm-sdg.com/resource_library/

Strategi kedua adalah menyediakan laporan semakan yang komprehensif untuk isu-isu yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan parlimen (2020-2023).⁵ Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Dr. Teo Sue Ann dan beliau telah mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 26 isu-isu tematik⁶ di bawah tajuk-tajuk ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Strategi ketiga adalah menganjurkan lima siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Parlimen APGM-SDG di Parlimen Malaysia di mana kami telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti dapatan kami⁷ berkenaan tema kemiskinan, kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 bersempena dengan persidangan parlimen pertama. Kami telah menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk mempengerusikan siri perbincangan tersebut diiringi oleh pembentangan isu yang dikendalikan oleh pegawai Sekretariat daripada MySDG Center for Social Inclusion (MySDG-CSI) dan dibantu oleh pakar-pakar bidang yang telah dilantik oleh pihak kami. Siri perbincangan tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen.

Strategi keempat adalah mengadakan sesi dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan. Pihak Sekretariat juga telah menganjurkan beberapa sesi pra-dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi secara berasingan untuk mendapatkan sokongan bagi proses perbincangan ini yang bertujuan untuk mencari persefahaman yang lebih baik dan solusi dasar dan legislatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Dalam konteks ini, satu siri yang merangkumi lapan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan antara 2hb dan 18hb Julai 2024 semasa sesi persidangan parlimen. Lapan isu tematik yang telah dibincangkan adalah kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan pulau-pulau kecil), kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan⁸. Kami telah menerima sokongan yang baik daripada agensi-agensi yang terlibat termasuk maklum balas terhadap keperluan dan kebimbangan yang telah

⁵ APPGM SDG 2023 Annual Report, (pages 6-7). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%20Laporan%20Tahunan%202023-compressed.pdf>

⁶ Thematic issues from qualitative findings (Page 39-50) <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%202023%20Annual%20Report-compressed.pdf>

⁷ Five Kertas Persediaan Ringkasan Dasar (poverty, welfare, food security, environment and statelessness) was prepared by the MySDG Centre for Social Inclusion

⁸ Membina Daya Tahan Daripada Penerima Manfaat Kepada Juara SDG. APPGM-SDG July 2024 Report <https://appgm-sdg.com/buletin-julai-2024/>

diketengahkan. Pihak Sekretariat juga telah menjalankan sesi perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensinya yang relevan.

Strategi kelima adalah menulis lapan Laporan Awal Dasar yang telah disebutkan di atas dan melancarkan laporan-laporan tersebut pada 15hb Oktober 2024 serta menganjurkan perbincangan lanjutan untuk memurnikan dokumen-dokumen tersebut. Pegawai-pegawai Sekretariat di MySDG-CSI telah bekerja keras untuk menyediakan analisis yang komprehensif di dalam kesemua laporan tersebut. Mereka telah berhubung secara rapat dengan Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan dalam proses untuk meneliti kandungan laporan-laporan tersebut dan mengambil maklum balas Ahli-ahli Parlimen. Kami melihat laporan-laporan tersebut sebagai dokumen kerja (*working document*) yang masih memerlukan dialog berterusan dan penambahbaikan dari segi analisis dan cadangan-cadangan dasar.

Kami akan melengkapkan proses advokasi dasar ini pada masa yang terdekat dan mengetengahkan dapatan kami kepada kerajaan sebagai input terhadap proses rancangan dan penggubalan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kami juga dalam proses untuk menyediakan dokumen *Voluntary Parliamentary Review* (VPR) bagi SDG (2020-2024) sebagai kajian bebas APPGM-SDG berkenaan penyetempatan agenda SDG di Malaysia. VPR ini akan tersedia menjelang sesi *High Level Political Forum on SDGs* yang akan dianjurkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di New York antara 14hb dan 24hb Julai 2025, di mana Malaysia akan membentangkan *Voluntary Nasional Review* (VNR) buat kali ketiga.

Di APPGM-SDG, kami menganggap bahawa perbincangan yang telah berlangsung dalam proses advokasi dasar dan juga lapan Laporan Awal Dasar kami sebagai sumbangan penting Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar yang makro, di samping usaha kami untuk menyetempatan SDG di peringkat mikro melalui projek-projek solusi mikro-SDG dan kebun komuniti.

Kami juga mengakui kepentingan kolaborasi secara pelbagai pihak antara Ahli-ahli Parlimen secara dwipartisan dan agensi-agensinya kerajaan di semua peringkat (persekutuan, negeri, daerah, dan kerajaan tempatan), ahli-ahli akademik, masyarakat sivil, sektor swasta serta masyarakat akar umbi. Proses konsultatif dan kolaboratif ini adalah sangat mustahak. Proses bawah ke atas (*bottom-up approach*) dari peringkat akar umbi ke peringkat lebih tinggi serta proses atas ke bawah (*top-down approach*) dari peringkat nasional ke peringkat bawah adalah kunci kepada penemuan penyelesaian yang mampan untuk isu-isu akar umbi yang kompleks.

Kami juga yakin bahawa perlu ada tekad politik (*political will*) dalam mencari konsensus untuk menangani kebimbangan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita perlu membina konsensus dwipartisan dalam kita mencari penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit. APPGM-SDG menyediakan ruang bagi tujuan ini melalui penyertaan Ahli-ahli Parlimen daripada parti-parti kerajaan dan parti-parti pembangkang. Oleh kerana mereka adalah wakil pilihan rakyat, kita perlu membina sinergi dan kerjasama yang lebih erat di antara mereka melalui agenda SDG bagi memastikan tiada sesiapa atau komuniti yang ditinggalkan di Malaysia.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam proses advokasi dasar kami ini, semua kakitangan Sekretariat terutamanya kakitangan MySDG-CSI, pakar-pakar bidang, dan semua agensi kerajaan yang telah menyertai sesi perbincangan dan memberikan maklum balas yang amat berharga.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kita akan dapat melangkah lebih jauh ke depan melalui lapan siri Laporan Awal Dasar ini. Kami juga berharap laporan-laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan analisis yang berguna kepada pembaca. Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada pembaca, yang boleh dipanjangkan kepada kakitangan Sekretariat.

KATA ALUAN

Yang Berhormat Isnaraissah Munirah Majilis

Ahli Parlimen P169 - Kota Belud

Tahun ini merupakan tahun kedua saya sebagai pengerusi APPGM-SDG. Banyak perkara yang telah dilalui dan perkara yang paling memberikan kesan dan dekat di hati saya adalah tentang isu kemiskinan. Sejak dari awal saya berkecimpung dalam dunia politik sehingga saat ini, antara sasaran utama yang saya letakkan pada diri saya adalah memperjuangkan isu kemiskinan rakyat di Sabah.

Isu kemiskinan ini bukan satu isu yang baru dan ianya bukan boleh dihapuskan secara keseluruhannya dalam sekelip mata. Namun, apa yang paling penting adalah kita perlu tahu realiti sebenar di bawah. Laporan yang disediakan oleh agensi kerajaan itu penting namun, penggantungan semata-mata pada data yang disediakan tidak akan menggambarkan masalah sebenar kemiskinan. '*Bottom-Up Approach*' yang dilaksanakan melalui APPGM SDG ini adalah merupakan satu langkah yang baik bagi membantu kerajaan dan penggubal dasar menyediakan rangka kerja yang lebih komprehensif, lengkap serta menyeluruh dalam menangani isu kemiskinan.

Konteks kemiskinan dalam negara ini adalah luas dan ianya terbahagi kepada dua wilayah, iaitu Semenanjung Malaysia dan Wilayah Borneo yang merangkumi Sabah dan Sarawak. Keadaan kemiskinan di Semenanjung adalah berlainan dengan kemiskinan di Sabah dan juga di Sarawak. Cara mengatasi, kaedah bantuan, dasar- dasar yang digubal perlu berbeza dan hasil dapatan yang dibentuk oleh kami di APPGM SDG telah membuktikan fakta ini.

Jurang pembangunan antara dua wilayah ini memberikan cabaran yang besar bukan sahaja pada kerajaan, malah kepada rakyat Sabah dan Sarawak untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air bersih termasuk perkhidmatan Internet yang menjadi asas kepada kehidupan manusia hari ini masih lagi jauh ketinggalan berbanding di Semenanjung Malaysia. Ditambah lagi dengan pembangunan yang tidak seimbang dan hanya difokuskan kepada satu-satu kawasan atau daerah sahaja, ini menambahkan lagi kesukaran rakyat di sini.

Selain daripada usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dan semua pihak, adalah penting pembahagian peruntukan pembangunan yang 'bermaruah' dan adil di samping mencerminkan realiti sebenar kepada permasalahan pokok perlu menjadi keutamaan dalam agenda utama negara. Pelaksanaan projek dan program pula perlu

ditransformasikan bermula daripada peringkat bawah hingga atasan bagi memastikan kelancaran dan paling penting, dirasai dan dimaknai oleh rakyat mengikut garis masa yang ditetapkan.

Bagi pihak APPGM-SDG, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat kerana memberikan sokongan penuh kepada kami dan tidak dilupakan, pegawai-pegawai parlimen yang sangat membantu dalam urusan kami. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Ekonomi serta pegawai yang telah menyediakan peruntukan dan mempermudah kami beroperasi dan melaksanakan inisiatif -inisiatif dan program SDG.

*15hb Oktober, 2024
Kota Belud (P.169)
Parlimen Malaysia*

KATA PENGENALAN

Dr. Teo Sue Ann

Pengarah MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG

Sejak tahun 2020, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) telah berusaha bertungkus-lumus untuk menyetempatan 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia. Hingga ke tahun 2023, para penyelidik APPGM-SDG telah memeta isu di 85 dari 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Dengan isu-isu yang telah diperolehi, APPGM-SDG telah memulakan advokasi dasar SDG melalui *MySDG Centre for Social Inclusion* (MySDG-CSI).

Daripada isu-isu yang telah dipetakan, kami mendapati lima tema paling menonjol, iaitu kemiskinan, kebajikan, alam sekitar, keterjaminan makanan, dan tiada kewarganegaraan. Walaupun kami telah mengumpulkan data-data kualitatif untuk lima tema tersebut, kami mendapati bahawa isu-isu yang telah dicatatkan adalah berbeza apabila dianalisis secara mendalam disebabkan oleh: latar belakang komuniti yang berlainan; wilayah dan lokasi yang berbeza; kadang-kala juga disebabkan oleh hubungan politik; dan cara kehidupan komuniti tempatan yang berbeza. Namun, apabila kami menganalisa isu-isu ini daripada segi makro, kami telah mendapati bahawa terdapat suatu corak persamaan yang muncul daripada data-data tersebut.

Yang lagi pentingnya, adalah bahawa data-data yang telah dikumpulkan oleh para penyelidik APPGM-SDG adalah bersifat kualitatif. Melalui data-data ini, kami dapat menghayati isu-isu yang telah dialami oleh komuni-komuniti di akar umbi melalui perkongsian naratif mereka. Data-data kualitatif ini telah membolehkan kami untuk menelitikan isu-isu tempatan secara makro dan mikro. Ini menjadi suatu dorongan yang penting untuk pihak kami bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dalam gerak kerja advokasi dasar APPGM-SDG.

Ahli-ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang penting dan mereka yang sering berhadapan dengan komuniti-komuniti yang memerlukan bantuan. Dengan itu, siri perbincangan pertama yang telah dijalankan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 dibuktikan penting tidak sahaja sebagai suatu peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang rentas parti politik berlainan untuk membincangkan isu-isu yang sedang dan telah berlaku di kawasan-kawasan parlimen masing-masing. Dalam sesi tersebut, mereka juga dapat mengetepikan agenda politik parti masing-masing dan mendapat kesedaran bahawa isu yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan parlimen selain dari kawasan yang diwakili oleh mereka.

Daripada lima sesi perbincangan tersebut, terdapat tiga keputusan penting yang telah dipersetujui oleh para Ahli-ahli Parlimen yang hadir. Pertamanya, penyertaan daripada pihak kementerian kerajaan sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam proses ini adalah diperlukan. Maklum balas daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar pembangunan negara adalah mustahak dalam perbincangan isu-isu tempatan di kawasan parlimen. Dengan itu, kami telah berusaha untuk menjemput dan mendapatkan penyertaan kementerian dalam sesi perbincangan kedua yang telah berlangsung antara 2hb dan 18hb Julai 2024.

Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen adalah memisahkan tema kemiskinan yang dikatakan terlalu luas. Jikalau perbincangan diteruskan untuk sesi seterusnya dengan merangkumi semua kawasan di Malaysia, komuniti-komuniti yang tinggal di pulau-pulau kecil, keadaan kemiskinan di wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing tidak akan mendapat tumpuan yang memadai dalam perbincangan tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan yang lebih menyeluruh MySDG-CSI telah menjalankan sesi perbincangan di Sabah dan Sarawak masing-masing, bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil kementerian di peringkat wilayah. Siri perbincangan tersebut telah berjaya dijalankan dengan sokongan dan kerjasama *Institute for Development Studies* (IDS) di Sabah, dan *Economic Planning Unit* di Sarawak.

Keputusan yang ketiga adalah supaya perbincangan bertema keterjaminan makanan dipisahkan kepada dua sesi yang bertumpu kepada pertanian dan penternakan sebagai satu sesi, serta perikanan sebagai satu sesi yang lain. Sebab untuk pemisahan ini adalah sama seperti untuk tema kemiskinan. Isu-isu yang diperolehi untuk kedua-dua lapangan tersebut adalah berbeza dan para Ahli Parlimen juga memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk setiap tema rinci yang penting ini.

Secara keseluruhannya, proses advokasi ini dipimpin oleh penyertaan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil Kementerian. Suatu pemerhatian yang signifikan adalah bahawa kedua-dua pihak yang berkepentingan ini telah bersetuju bahawa kerjasama yang erat adalah sangat penting untuk memastikan suatu bentuk institusi kerajaan yang kukuh demi mencapai bukan sahaja SDG 16 tetapi semua SDG yang lain yang saling berkait rapat.

Hasil daripada sesi-sesi perbincangan ini menjangkaui lebih daripada apa yang telah kami jangkakan. Satu pencapaian yang penting adalah penghasilan laporan Laporan Awal Dasar SDG yang bertemakan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Pulau-

pulau kecil, Kebajikan, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Tiada Kewarganegaraan. Laporan-laporan awal ini akan menjadi teras kepada usaha advokasi dasar kami yang seterusnya pada tahun 2025 bagi menjalinkan kerjasama dengan lebih ramai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan di peringkat wilayah, negeri dan daerah, masyarakat sivil (CSO), badan-badan pemikir dan ahli-ahli akademik. Di samping itu, menerusi siri perbincangan ini, kami telah berjaya menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pelbagai kementerian.

Dengan itu, proses polisi advokasi MySDG-CSI telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyetempatan SDG melalui APPGM-SDG. Walaupun siri perbincangan ini berupa lambang kepada langkah permulaan dalam usaha advokasi dasar yang mampan, ia telah menyumbang kepada daya gerak Kerajaan Malaysia dalam usaha mencapai agenda SDG menjelang 2030.

Kandungan

RINGKASAN EKSEKUTIF	1
1. LATAR BELAKANG.....	3
1.1 Realiti Kemiskinan di Sabah	4
2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KEMISKINAN DI SABAH.....	5
2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 29hb Februari 2024.....	6
2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 11hb Mei 2024	7
2.3 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Ketiga, 17hb Julai 2024	8
2.4 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Keempat, 5hb Ogos 2024.....	9
3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN	10
AHLI-AHLI PARLIMEN.....	10
3.1 Pembangunan Tidak Seimbang di Sabah	10
3.2 Kelemahan Koordinasi Antara Agensi Kerajaan Di Pelbagai Peringkat.....	10
3.3 Peluang Ekonomi dan Pendidikan lebih Inklusif.....	11
4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN	12
4.1 Profil Cadangan Pembangunan Ekonomi Daerah Di Sabah	13
4.2 Pengagihan Peruntukan perlu berasaskan Keperluan Tempatan	13
(local-based).....	13
4.3 Penglibatan lebih Inklusif oleh Ahli Parlimen dan Pihak Berkepentingan dalam Pelaksanaan Projek Pembasmian Kemiskinan.....	14
4.4 Memperkasa Ekonomi Akar Umbi	14
4.5 Membangunkan Institusi yang Kukuh melalui SDG 16 untuk Pembasmian Kemiskinan yang Berkesan di Sabah	15
RUJUKAN	18

LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN ... 19

1.1 Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen, 29hb Februari 2024.....	19
1.2 Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Sabah untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak, 11hb Mei 2024	21
1.3 Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Sabah dan Sarawak untuk Sesi FGD Ketiga bersama Ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 17hb Julai 2024	23
1.4 Maklum Balas Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Ketiga bersama Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan, 17hb Julai 2024 dan Sesi FGD Keempat bersama Agensi-Agensi Kerajaan Sabah,.....	26
5hb Ogos 2024.....	26

LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 29hb Februari 2024..... 35

LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN SABAH DAN SARAWAK UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 11hb Mei 2014 36

LAMPIRAN 4: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KETIGA – 17hb Julai 2024..... 36

LAMPIRAN 5: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN AGENSI KERAJAAN WILAYAH SABAH UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEEMPAT – 5hb Ogos 2024 37

RINGKASAN EKSEKUTIF

Walaupun Malaysia secara keseluruhan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif, Sabah terus berdepan dengan ketidakseimbangan ekonomi yang ketara dan kadar kemiskinan tegar yang jauh lebih tinggi berbanding purata nasional. Laporan awal dasar ini merupakan inisiatif Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) yang memberi tumpuan kepada intervensi parlimen dalam menangani kemiskinan yang berterusan di Sabah.

Proses penyediaan laporan awal dasar ini menggunakan pendekatan pelbagai hala - bawah ke atas (*bottom-up approach*) dan atas ke bawah (*top-down approach*), bermula daripada isu-isu dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu APPGM-SDG bersama komuniti akar umbi dari tahun 2020 – 2023. Hasil kajian pemetaan isu ini telah dibawa kepada perbincangan dasar bertema bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian. Tema kemiskinan di Sabah merupakan salah satu tema yang penting dalam hasil kajian pemetaan isu ini.

Dalam sesi-sesi perbincangan tersebut, semua Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian yang hadir bersetuju bahawa cabaran utama untuk pembasmian kemiskinan adalah kekurangan infrastruktur asas seperti, jalan raya bertar, bekalan air yang bersih dan terawat, dan bekalan elektrik yang berterusan. Perbincangan bersama dengan wakil-wakil kementerian terbukti adalah penting dan bermanfaat kerana mereka dapat memberi penerangan tentang cabaran-cabaran yang mereka hadapi, khususnya dari segi penyaluran peruntukan ke wilayah tersebut yang mengalami kelewatan. Sesi perbincangan antara Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan telah membuka peluang untuk kedua-dua pihak berkepentingan mencari penyelesaian bersama untuk isu-isu yang berbangkit.

Matlamat utama laporan awal dasar ini adalah untuk membangunkan strategi berkesan yang berlandaskan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Walaupun SDG 1, yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan pelbagai bentuk dan peringkat adalah asas kepada perbincangan untuk tema ini, isu-isu kemiskinan yang telah berbangkit juga berhubung kait dengan matlamat SDG yang lain Antaranya adalah SDG 2 (“Tiada kebuluran”), SDG 3 (“Kesihatan yang baik dan sejahtera”), SDG 4 (“Pendidikan berkualiti”), SDG 5 (“Kesaksamaan gender”), SDG 10 (“Mengurangkan ketidaksamarataan”), dan SDG 16 (“Keamanan, keadilan dan institusi yang kuat”). Dalam laporan awal dasar ini juga, SDG 16 dilihat sebagai pemangkin kepada usaha pembasmian kemiskinan yang lestari di Sabah. Cadangan

pertunjuk untuk menambah baik koordinasi dan tadbir urus agensi kerajaan di pelbagai peringkat berpandukan SDG 16 juga dihuraikan dalam laporan ini.

Penyelesaian terpenting bagi membasmi kemiskinan di Sabah, yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan adalah keperluan untuk mengimbangi proses pembangunan di Sabah. Terdapat juga cadangan untuk menilai semula sistem koordinasi dan komunikasi antara agensi kerajaan persekutuan dan wilayah dan komuniti akar umbi agar penambahbaikan dapat dilakukan dengan kadar segera. Satu lagi cadangan adalah untuk sebuah Jawatankuasa Koordinasi Persekutuan-Wilayah ditubuhkan atau jawatankuasa sedia ada yang mempunyai fungsi serupa ditambahbaik. Cadangan-cadangan tersebut mengambil kira pendekatan segenap lapisan masyarakat (*whole-of-society approach*) dengan menggalakkan penglibatan komuniti akar umbi dalam proses pembuatan keputusan.

Melalui pendekatan ini, laporan ini bertujuan untuk menyediakan kerangka kerja yang lebih menyeluruh dan inklusif dalam menangani kemiskinan, memastikan dasar yang dilaksanakan adalah adil dan berkesan, serta membawa perubahan positif yang lestari untuk rakyat Sabah dan menyokong pertumbuhan ekonomi yang inklusif, selaras dengan pencapaian agenda SDG.

1. LATAR BELAKANG

Menoktahkan kemiskinan telah menjadi antara matlamat utama di bawah Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 yang telah diasaskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Ia secara khusus telah diangkat sebagai matlamat pertama atau SDG 1 daripada kesemua 17 matlamat SDG 2030 dengan tema "Membasmi semua bentuk kemiskinan di seluruh dunia" dan mengandungi 7 sasaran dan 13 indikator. Secara umumnya, kemiskinan di bawah kerangka SDG 2030 memberi fokus bukan sahaja kepada usaha untuk mengeluarkan individu, isi rumah dan komuniti daripada kepompong kemiskinan, tetapi juga untuk memastikan semua golongan mendapat akses kepada kemudahan asas dan terlindung daripada kejutan sosial dan ekonomi pada masa akan datang. Oleh itu, sasaran-sasaran di bawah SDG 1 mempunyai hubung kait yang rapat dengan matlamat-matlamat SDG yang lain.

Dalam konteks Malaysia, kaedah pengukuran kemiskinan biasanya berpandukan kaedah kemiskinan mutlak dengan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) isi rumah. PGK terkini adalah berdasarkan nilai bagi tahun 2022, iaitu RM2,589 ke bawah (Mohd Zaky, 2023). Namun, kemiskinan tidak hanya diukur berdasarkan tahap pendapatan isi rumah sahaja. Kemiskinan juga diukur dari segi kesejahteraan hidup seseorang yang meliputi aspek seperti kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Oleh yang demikian, penambahbaikan atau inisiatif baharu yang boleh menyokong tekad membasmi kemiskinan secara menyeluruh sangat perlu terutamanya di negeri dan wilayah yang masih bergelut dengan isu tersebut.


Usaha membasmi kemiskinan telah menjadi agenda utama negara sejak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957 dan Malaysia ditubuhkan pada 1963. Ia merupakan teras utama dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970. Bertitik tolak daripada itu, Malaysia telah berjaya mengurangkan kemiskinan dengan kadar yang memberangsangkan, iaitu daripada 52.4 peratus pada tahun 1970 kepada 3.8 peratus dalam tahun 2009. Usaha ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2010-2015), yang telah menyasarkan untuk meningkatkan pendapatan purata bagi 40 peratus golongan isi rumah terendah daripada RM1440 pada tahun 2009 kepada RM2300. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ke-12 fokus utama antaranya adalah untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi; membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang pendapatan; serta melonjakkan pembangunan Sabah, Sarawak dan negeri-negeri kurang membangun (Sinar Harian, 2021). Tumpuan tersebut juga dicerminkan dalam dokumen-dokumen rasmi kerajaan seperti *Voluntary National Review* (VNR) dan Pelan Hala Tuju SDG Fasa 1 dan 2 (*SDG Roadmap*).

1.1 Realiti Kemiskinan di Sabah

Menurut Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Sabah kekal menjadi negeri yang mempunyai peratusan kemiskinan tegar lebih tinggi daripada nasional (Ridaudin, 2024). Berbanding negeri-negeri lain, insiden kemiskinan di Sabah lebih kritikal. Menurut Menteri Ekonomi, YB Tuan Rafizi Ramli, kadar insiden kemiskinan tegar di Sabah dianggarkan sekitar enam kali ganda berbanding peratusan di peringkat nasional. Berdasarkan laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi dan Kemudahan Asas (HIS) 2022, insiden kemiskinan tegar di negeri Sabah masih berada pada tahap yang tinggi, iaitu 1.2 peratus berbanding kadar kemiskinan nasional 0.2 peratus.

Jika kita merujuk kepada *Rajah 1 (Indikator 1.4.1: Perkadaran penduduk yang tinggal dalam isi rumah dengan akses kepada perkhidmatan asas di bawah SDG 1)* di bawah, masih terdapat banyak kawasan (*berwarna merah*) di Sabah yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan asas. Dapatan daripada penunjuk 1.4.1 ini menunjukkan bahawa masih banyak kawasan di Sabah tidak mempunyai akses yang baik kepada perkhidmatan asas, terutama air bersih yang cukup, yang penting untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesihatan penduduk.

Rajah 1: Indikator SDG 1.4.1 Malaysia



Sumber: <https://sustainable-development-goals-sdsn.hub.arcgis.com>

Oleh yang demikian, untuk menyokong pertumbuhan sosioekonomi di wilayah Sabah, strategi khusus perlu diberi keutamaan. Ini termasuk perkembangan infrastruktur, peningkatan akses kepada perkhidmatan asas, dan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Untuk merangka strategi yang berkesan, inklusif dan mampan perlu adanya perbincangan berfokus dengan pihak berkepentingan termasuk komuniti tempatan, agensi kerajaan, dan masyarakat sivil untuk membincangkan isu-isu berkaitan cabaran membasmi kemiskinan.

2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KEMISKINAN DI SABAH

Proses penyediaan kertas laporan dasar kemiskinan ini berdasarkan hasil beberapa siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) bersama pihak berkepentingan. Sesi ini dihadiri oleh Ahli-ahli parlimen daripada blok kerajaan dan pembangkang, sejajar dengan prinsip utama APPGM-SDG (Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari), iaitu prinsip dwi-partisan yang menitikberatkan penyertaan wakil-wakil rakyat daripada parti-parti politik yang berlainan. Selain itu, sesi dihadiri oleh wakil daripada Kementerian Kerajaan Persekutuan dan Wilayah Sabah dan juga organisasi masyarakat sivil (CSO).

Sejak tahun 2020 sehingga 2023, APPGM-SDG telah menjalankan kajian lapangan di 85 kawasan parlimen di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Berdasarkan proses dan hasil kajian tersebut, pihak APPGM-SDG telah mengupas pelbagai isu berkaitan insiden kemiskinan yang dijadikan panduan dalam aktiviti advokasi dasar yang dijalankan oleh unit kajian dan dasar APPGM-SDG, iaitu *MySDG Center for Social Inclusion* (MySDG-CSI) melalui siri perbincangan kumpulan fokus dasar (FGD) yang telah dianjurkan pada tahun ini.

Keunikan APPGM-SDG yang menggunakan pendekatan akar umbi (*bottom-up approach*) adalah penglibatan komuniti setempat secara langsung dalam merungkai isu-isu berkaitan kemiskinan yang berlaku mengikut konteks masyarakat mereka. Pendekatan ini boleh menjadi pemangkin kepada pembentukan dasar daripada tingkat akar umbi yang benar-benar mencerminkan realiti dan keperluan komuniti yang miskin. Melalui aktiviti advokasi dasar APPGM-SDG, pembentukan dasar ini juga melibatkan kerjasama antara pelbagai pihak seperti Ahli-ahli Parlimen, Kementerian dan agensi kerajaan, serta organisasi masyarakat sivil dalam usaha untuk mencari penyelesaian yang dwi-partisan dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.

Bagi meneliti isu-isu berkaitan kemiskinan di Sabah, empat sesi FGD telah dijalankan sepanjang tahun ini. Berikut adalah ringkasan hasil perbincangan sesi-sesi FGD tersebut.

2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama,

29hb Februari 2024

Sesi perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) pertama telah diadakan di Parlimen bersama Ahli-ahli Parlimen dan pasukan penyelidik APPGM-SDG pada 29hb Februari 2024. Sesi pada 29hb Februari telah dipengerusikan oleh YB Puan Munirah Isnaraissah Munirah Majilis (Ahli Parlimen Kota Belud) dan YB Tuan Rushdan bin Rusmi (Padang Besar) dan turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Parlimen daripada pihak kerajaan dan pembangkang (rujuk Lampiran 2 untuk senarai kehadiran). Perbincangan berpaksikan kepada 11 isu kemiskinan yang umum bagi seluruh Malaysia hasil pemetaan isu oleh APPGM-SDG (rujuk Lampiran 1.1). Bagi Sabah, 4 isu utama boleh dirangkumkan daripada 11 isu tersebut:

1. *Peluang Pekerjaan yang Terhad:* Golongan B40, OKU, belia, dan Orang Asal sukar mendapatkan pekerjaan tetap akibat diskriminasi dan ketidaksepadanan antara kemahiran mereka dengan keperluan industri. Selain itu, kekurangan program pembangunan belia, khususnya di kawasan luar bandar, menghalang akses mereka kepada pekerjaan berkualiti.
2. *Tekanan Ekonomi dan Kewangan:* Peniaga kecil terjejas akibat harga barang meningkat dan kuasa beli pelanggan menurun manakala usahawan kecil berdepan masalah kewangan, kekurangan sokongan, dan perubahan struktur ekonomi.
3. *Pembangunan Tidak Seimbang:* Beberapa Ahli parlimen menyuarakan kebimbangan terhadap situasi Sabah dan Sarawak ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi. Ketidakseimbangan ekonomi Orang Asli dan Orang Asal juga diberikan perhatian.
4. *Pengarusperdanaan Gender:* Lebih ramai wanita daripada lelaki yang hidup dalam keadaan kemiskinan sering kali diabaikan dalam perhitungan penetapan akses kepada peluang ekonomi dan sosial, yang menjejaskan potensi mereka untuk keluar daripada keadaan dan kitaran kemiskinan.

Hasil daripada perbincangan ini, semua peserta yang hadir bersetuju bahawa isu kemiskinan di Sabah dan Sarawak perlu ditangani secara berasingan dan dengan konteks yang berbeza daripada Semenanjung Malaysia. Pendekatan yang berbeza diperlukan kerana kedua-dua

wilayah ini mempunyai cabaran unik seperti geografi yang luas, populasi yang terpencar, kekurangan infrastruktur asas, serta ketidakseimbangan dalam pembangunan ekonomi. Dengan memisahkan perbincangan isu kemiskinan mengikut konteks wilayah, diharapkan strategi dan penyelesaian yang lebih berkesan dapat dibangunkan untuk menangani masalah kemiskinan di Sabah dan Sarawak secara lebih holistik.

2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 11hb Mei 2024

Seterusnya, sesi FGD kedua bersama beberapa Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak diadakan di *Institut of Development Studies* (IDS), Kota Kinabalu, Sabah pada 11hb Mei 2024. Sesi pada 11hb Mei telah dipengerusikan secara bersama oleh YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib (Mukah) dan YB Datuk Wetrom Bahanda (Kota Marudu). Sesi FGD tersebut disertai beberapa ahli parlimen Sabah dan Sarawak (rujuk Lampiran 3 untuk senarai kehadiran). Antara isu utama yang dibincangkan termasuk:

1. Ketidakseimbangan dari segi pengagihan projek pembangunan di mana terdapat projek pembangunan yang hanya tertumpu kepada tempat tertentu sahaja dan tidak mengambil kira keperluan setiap kawasan;
2. Kurang kerjasama dan libatsama dalam pelaksanaan projek pembasmian kemiskinan di peringkat kerajaan tempatan dan Ahli Parlimen;
3. Ketiadaan dokumen menyebabkan ramai yang terlibat dengan keciciran pendidikan dan mempunyai peluang terhad dalam pekerjaan;
4. Masalah kemudahan asas dan infrastruktur seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan raya dan liputan jaringan telekomunikasi kekal menjadi isu utama di Sabah dan Sarawak;
5. Permohonan bantuan untuk miskin tegar yang dilakukan melalui dalam talian (*online*), tetapi ketiadaan akses internet menyukarkan golongan miskin untuk memohon dan sejurus itu menyebabkan mereka tercicir dan sukar untuk keluar daripada kepompong kemiskinan;
6. Proses kelulusan projek pembangunan lambat menyebabkan banyak projek tertangguh dan terbengkalai; dan
7. Disebabkan isu koordinasi diantara persekutuan dan negeri, proses kelulusan projek pembangunan dan saluran peruntukan lambat menyebabkan banyak projek tertangguh dan terbengkalai.

Hasil daripada perbincangan ini boleh disimpulkan bahawa terdapat dua isu utama tentang kemiskinan Sabah dan Sarawak, iaitu pembangunan yang tidak seimbang dan akses kepada sistem maklumat dan pendidikan yang terhad dan tidak inklusif.

Huraian lanjut untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di dalam Lampiran 1.2.

2.3 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Ketiga, 17hb Julai 2024

Sesi FGD berikutnya yang diadakan di Parlimen Malaysia dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen dan wakil- daripada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan persekutuan. Sesi FGD tersebut dipengerusikan bersama oleh YB Puan Munirah Isnaraissah Munirah Majilis (Kota Belud) dan YB Tuan Rusdan bin Rusmi (Padang Besar) dan turut dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen daripada pihak kerajaan dan pembangkang (lihat Lampiran 4 untuk senarai kehadiran).

Dalam sesi FGD ini, berbeza dengan sesi pertama dan kedua, tiga isu utama hasil kajian lapangan pasukan penyelidik APPGM-SDG telah dijadikan panduan dalam perbincangan untuk memastikan FGD dijalankan secara lebih berfokus. Isu-isu utama tersebut adalah:

1. Ketidakeimbangan pembangunan di Sabah dan Sarawak
2. Peluang ekonomi (pekerjaan dan perniagaan) yang terhad
3. Kemiskinan berdasarkan gender

Huraian lanjut untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di dalam Lampiran 1.3.

Semua wakil kementerian menyatakan bahawa peruntukan terbesar telah diberikan kepada Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk menangani isu-isu pembangunan dan kemiskinan yang lebih serius di kedua-dua negeri ini, berbanding dengan kawasan lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, beberapa Ahli Parlimen menegaskan bahawa terdapat keperluan untuk memastikan peruntukan tersebut digunakan dengan cekap dan mencapai sasaran dan mengambil kira keadaan geografi Sabah dan Sarawak yang luas. Selain itu, isu kecekapan tadbir urus majlis daerah dan perbandaran di Sabah yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan pelantikan individu yang kurang berkelayakan. Hal ini menyebabkan isu seperti kesukaran dalam menyediakan kertas kerja yang berkualiti, merancang projek pembangunan, dan memohon geran yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek ini.

2.4 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Keempat, 5hb Ogos 2024

Sesi perbincangan keempat dijalankan di *Institut for Development Studies (IDS)*, Kota Kinabalu, Sabah. Matlamat sesi ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada wakil setiap kementerian utama negeri Sabah. Sesi FGD ini dipengerusikan oleh YB Puan Munirah Isnaraissah Munirah Majilis (Kota Belud) dan turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan (Keningau), YB Datuk Matbali bin Musah (Sipitang), dan wakil-wakil pejabat Ahli-ahli Parlimen Ranau dan Sandakan (rujuk Lampiran 5 untuk senarai kehadiran). Tuntasnya, perbincangan dalam FGD tersebut dapat dibahagikan kepada dua tema utama, iaitu:

Tema 1: Pembangunan Tidak Seimbang di Negeri Sabah

1. Sabah menghadapi isu struktural yang fundamental berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Misalnya pembinaan menara telekomunikasi di kawasan pedalaman dengan kepadatan rendah. Kos dan keberkesanan kos adalah cabaran utama, tetapi pembangunan tetap dijalankan untuk kemajuan negara.
2. Kesukaran dalam mempercepatkan kemajuan disebabkan oleh logistik dan saiz wilayah Sabah.
3. Kekurangan kewangan dan peruntukan lambat menjadi isu utama, dengan harapan untuk bantuan lebih daripada kerajaan persekutuan.
4. Pengagihan hasil tidak berlaku secara adil dan berkesan. Pengagihan hasil atau peruntukan sepatutnya mengambil kira kepada keluasan kawasan luar bandar. Berbeza dengan Semenanjung Malaysia, Sabah mempunyai kawasan luar bandar yang lebih besar dari kawasan bandar.

Tema 2: Isu Kemiskinan Akar Umbi

1. Pelbagai program ekonomi telah dilaksanakan namun pelaksanaan pembasmian kemiskinan tidak jelas kelihatan di lapangan.
2. Dasar untuk pembasmian kemiskinan kurang diberikan fokus kepada ekonomi akar umbi seperti keusahawanan sosial, pelancongan berasaskan komuniti, dan seni serta kebudayaan.
3. Produktiviti petani di kawasan luar bandar semakin menurun disebabkan oleh peningkatan usia dalam kalangan petani.
4. Kemiskinan isi rumah menyebabkan berlaku isu keciciran dan pendidikan.

3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI-AHLI PARLIMEN

Terangkumnya, hasil daripada FGD bersama Ahli Parlimen terlibat dan wakil agensi-agensi kerajaan, terdapat tiga isu keutamaan dikenal pasti, iaitu: 1) Pembangunan tidak seimbang di Sabah; 2) Kelemahan koordinasi antara agensi kerajaan di pelbagai peringkat; dan 3) Peluang ekonomi dan pendidikan tidak inklusif. Bahagian ini menghuraikan maklum balas daripada wakil agensi-agensi kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen yang telah menyertai sesi-sesi FGD yang telah dijalankan (rujuk Lampiran 1.4 untuk senarai maklum balas yang lebih lanjut).

3.1 Pembangunan Tidak Seimbang di Sabah

Sabah menghadapi isu yang lebih berkaitan dengan struktural asas berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Kepadatan populasi (*population density*) dan kepelbagaian populasi (*population diversity*) di Sabah juga berbeza dengan di Semenanjung. Menurut wakil daripada **Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Sabah (SEDIA)**, terdapat cabaran segi keberkesanan kos (*cost effectiveness*) untuk menyediakan infrastruktur, tetapi kemudahan-kemudahan tersebut akan tetap dibina demi pembangunan negara. Misalnya pembinaan menara telekomunikasi di kawasan pedalaman dengan kepadatan penduduk yang rendah. Hal ini menyebabkan pembangunan ekonomi yang terhad di kawasan-kawasan tersebut.

Ketidakseimbangan pembangunan juga disebabkan oleh kos pengangkutan yang tinggi dan saiz negeri Sabah yang besar. Berbeza dengan Semenanjung Malaysia, Sabah mempunyai kawasan luar bandar yang lebih besar dari kawasan bandar. Namun, pengagihan hasil atau peruntukan sepatutnya mengambil kira keluasan kawasan luar bandar di Sabah. Manakala, beberapa Ahli Parlimen Sabah berpandangan bahawa ketidakseimbangan daripada segi pengagihan projek pembangunan berpunca daripada projek pembangunan yang hanya tertumpu kepada tempat tertentu sahaja dan tidak mengambil kira keperluan setiap kawasan. Pengagihan hasil tersebut adalah berlaku secara adil dan berkesan.

3.2 Kelemahan Koordinasi Antara Agensi Kerajaan Di Pelbagai Peringkat

Daripada sesi FGD bersama Ahli-ahli Parlimen dan juga wakil-wakil daripada kementerian dan agensi di peringkat wilayah Sabah, punca kepada isu pembangunan yang agak perlahan dan tidak sekata di wilayah Sabah ini adalah kelemahan daripada segi koordinasi diantara

pihak-pihak yang berkepentingan seperti yang sebutkan di atas. Beberapa wakil kementerian wilayah Sabah mendakwa kekurangan kewangan dan saluran peruntukan lambat menjadi juga punca kelewatan dan kegagalan projek pembangunan di Sabah. Keadaan ini berpunca daripada dua faktor.

Pertamanya, kelewatan penyaluran peruntukan tahunan daripada Kementerian di peringkat persekutuan ke peringkat wilayah. Wakil daripada **Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah** berkongsi berkenaan peruntukan *one-off* yang telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan bagi tahun 2024 di Sabah, namun sehingga bulan Ogos peruntukan tersebut masih lagi belum disalurkan walaupun permohonan dan penghantaran dokumen berkaitan telah dibuat. Oleh itu, usaha untuk menambahbaik koordinasi antara agensi kerajaan dalam komunikasi dan saluran kewangan perlu dilakukan.

Keduanya, terdapat pertanyaan juga berkenaan penyampaian maklumat tentang program dan inisiatif yang telah dijalankan oleh kementerian persekutuan kepada komuniti akar umbi. Pemakluman berkenaan program atau projek lulus biasanya tidak dimaklumkan kepada Ahli Parlimen menyukarkan pihak mereka untuk menyokong dan hebahkan kepada komuniti akar umbi.

Ketiganya, terdapat maklum balas berkenaan isu kecekapan tadbir urus majlis daerah dan perbandaran di Sabah yang berkaitan dengan pelantikan individu yang kurang berkelayakan. Oleh yang demikian, penilaian yang lebih telus dan sistematik dalam pemilihan calon serta latihan yang sesuai diperlukan untuk meningkatkan kecekapan mereka.

Hal ini juga dibangkitkan dalam Laporan Audit Negara, di mana salah satu isu utama dalam kelemahan dalam pelaksanaan projek kerajaan di Sabah berpunca daripada faktor seperti kekurangan pemantauan atau pengawasan oleh pihak berkaitan dan kekurangan koordinasi antara agensi relevan (Raiham, 2024).

3.3 Peluang Ekonomi dan Pendidikan lebih Inklusif

Pelbagai program ekonomi telah dilaksanakan namun pelaksanaan pembasmian kemiskinan tidak jelas kelihatan di lapangan. Dasar untuk pembasmian kemiskinan juga kurang diberikan fokus kepada ekonomi akar umbi di mana pelaburan berfokus kepada ekonomi berskala besar yang tidak memberikan kesan limpahan ekonomi kepada penduduk

luar bandar. Selain itu kemiskinan isi rumah menyebabkan berlaku isu keciciran dan pendidikan dan menyebabkan isi rumah terperangkap dalam kitaran kemiskinan.

Isu kemiskinan dan pendidikan ini berkait rapat. Menurut wakil daripada **Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah**, murid-murid yang tinggal di kawasan pulau kerap terkebelakang daripada segi pendidikan berbanding murid-murid di kawasan bukan pulau. Antara isunya adalah masalah kekurangan infrastruktur di sekolah-sekolah pulau dan isu penyampaian maklumat yang terhad disebabkan ketiadaan bekalan elektrik dan jaringan internet di kawasan pulau. Manakala wakil daripada **Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ)**, Jabatan Ketua Menteri Sabah berkongsi bahawa hasil kajian mereka mendapati 42 peratus daripada 22,510 ketua isi rumah di Sabah yang berdaftar dalam sistem E-Kasih tidak mendapat pendidikan formal.

Peluang ekonomi juga adalah terhad di kawasan luar bandar Sabah disebabkan isu seperti aktiviti pertanian yang kebanyakannya bergantung kepada petani yang berusia. Menurut wakil **Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah**, produktiviti pertanian menurun apabila petani sudah lanjut usia dan berlaku kekurangan jentera, tanah tidak diusahakan disebabkan oleh jarak yang jauh dan ketiadaan jalan pertanian, dan ketidaksampaian inisiatif ekonomi ke kawasan pedalaman. Maklum balas daripada **wakil Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB)** menyatakan bahawa telah terdapat banyak program dan inisiatif bantuan ekonomi di Sabah, misalnya program ekonomi ibu-ibu tunggal, namun pihak kementerian dan agensi-agensi kerajaan menghadapi kesukaran untuk membawa program-program tersebut ke kawasan luar bandar dan pedalaman disebabkan oleh isu akses kepada jalan raya dan infrastruktur yang lain.

4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN

Berdasarkan sesi-sesi FGD yang telah diadakan, beberapa cadangan untuk memastikan pembangunan di Sabah yang lebih adil dan inklusif telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen dan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Cadangan-cadangan tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian ini.

4.1 Profil Cadangan Pembangunan Ekonomi Daerah Di Sabah

Setiap daerah di Sabah disarankan untuk mempunyai profil cadangan pembangunan ekonomi daerah. Hal ini penting agar projek atau program yang dirancang sesuai dengan sumber dan keperluan setiap kawasan. Wakil daripada **Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS)** berpendapat bahawa penting untuk adanya pembentukan profil (*profiling*) mengikut daerah secara berterusan untuk mengenal pasti kekuatan sesebuah daerah dan memudahkan saluran peruntukan yang lebih berfokus. Cadangan ini juga disambut baik oleh Ahli-ahli Parlimen. Cadangan ini dijangka dapat menyumbang kepada pencapaian SDG dengan mengelakkan ketidakseimbangan dalam pengagihan projek pembangunan yang hanya tertumpu kepada tempat tertentu sahaja (SDG 10), mengurangkan kadar kemiskinan melalui pembangunan ekonomi yang lebih saksama (SDG 1), serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan di seluruh Sabah (SDG 8).

4.2 Pengagihan Peruntukan perlu berasaskan Keperluan Tempatan (*local-based*)

Pengagihan hasil yang melihat kepada kepadatan populasi tidak boleh diterapkan di Sabah yang mempunyai kawasan luar bandar yang lebih besar dan penduduk yang terpencar. Menurut wakil daripada *Institute Development Studies (IDS)* Sabah, di Semenanjung 30-40 peratus penduduk berada di kawasan luar bandar dan selebihnya di bandar tetapi di Sabah situasinya adalah terbalik, di mana 60 peratus penduduk berada di luar bandar. Oleh itu, langkah untuk membasmi kemiskinan di Sabah tidak boleh mengikut strategi di Semenanjung.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah pula berpendapat agihan peruntukan sekolah perlu berbeza mengikut kawasan kerana kos di bandar dan luar bandar tidak sama. Sebagai contoh, bantuan ke sekolah terpencil di Sabah seperti di Telupid dan kawasan pulau mendapat agihan peruntukan sama dengan agihan sekolah menengah di bandar, sedangkan kos untuk tempat-tempat tersebut berbeza terutamanya di kawasan pedalaman. Sebagai strategi, pengagihan peruntukan perlu berasaskan keperluan tempatan, yang mengambil kira keperluan dan konteks khusus setiap kawasan terutamanya cabaran logistik dan geografi. Hal ini selaras dengan usaha untuk pengagihan peruntukan atau bantuan sampai kepada mereka yang memerlukan (SDG 1: Tiada Kemiskinan; SDG 10: Mengurangkan Ketaksamaan).

4.3 Penglibatan lebih Inklusif oleh Ahli Parlimen dan Pihak Berkepentingan dalam Pelaksanaan Projek Pembasmian Kemiskinan

Ahli-ahli Parlimen juga mencadangkan supaya penglibatan mereka dan komuniti dalam pelaksanaan projek pembasmian kemiskinan diperluaskan dan tidak hanya terhad kepada peringkat cadangan sahaja. Ahli Parlimen hanya terlibat dalam peringkat awal, iaitu pada fasa cadangan, tetapi tidak dilibatkan dalam proses seterusnya, seperti pemilihan, pemantauan, dan penilaian projek. Pemakluman berkenaan projek yang diluluskan juga tidak disampaikan kepada Ahli Parlimen. Beberapa Ahli Parlimen menegaskan bahawa pembuatan keputusan perlu bersifat dua hala yang mana proses tersebut perlu melibatkan perbincangan dengan Ahli Parlimen dan wakil daripada komuniti. Dengan adanya penglibatan lebih menyeluruh ini, pemantauan berterusan dan telus bagi projek-projek pembangunan dan pembasmian kemiskinan dapat dipergiatkan agar mengurangkan dan mengelakkan berlakunya projek-projek pembangunan tidak berimpak dan gagal. Pendekatan ini menyokong SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh, yang menegaskan kepentingan institusi yang bertanggungjawab dan telus dalam proses pembangunan.

4.4 Memperkasa Ekonomi Akar Umbi

Perancangan dan pelaksanaan pembangunan di Sabah seharusnya memberi fokus kepada ekonomi akar umbi seperti keusahawanan sosial, pelancongan berasaskan komuniti, dan seni dan kebudayaan agar komuniti di luar bandar mendapat faedah ekonomi secara langsung. Untuk mencapai objektif ini, beberapa dasar yang dapat dicadangkan termasuk Penggalakan Keusahawanan Sosial, yang mendorong insentif kewangan dan sokongan teknikal untuk usahawan sosial yang beroperasi di kawasan luar bandar, serta program latihan untuk membantu komuniti tempatan memulakan dan mengurus perniagaan sosial. Selain itu, inisiatif untuk meningkatkan keterlibatan komuniti harus diutamakan, yang menggalakkan keterlibatan masyarakat dalam proses pembuatan keputusan berkaitan pembangunan ekonomi.

Dengan pelaksanaan dasar-dasar ini, wilayah Sabah bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan penduduk setempat untuk mengurangkan kemiskinan tetapi juga menyokong SDG 8: Pekerjaan yang Bermartabat dan Pertumbuhan Ekonomi dan SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan, serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif dan mampan di kawasan luar bandar.

4.5 Membangunkan Institusi yang Kukuh melalui SDG 16 untuk Pembasmian Kemiskinan yang Berkesan di Sabah

Sebagai salah satu daripada matlamat Agenda SDG 2030, SDG 16 memberi fokus kepada mempromosikan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua, dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab, dan inklusif di semua peringkat. Matlamat tersebut mempunyai 12 sasaran yang perlu dicapai menjelang 2030. Kemajuan ke arah sasaran akan diukur dengan 23 indikator. Daripada 12 sasaran tersebut, sasaran 16.6, iaitu 'Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus di semua peringkat' dan sasaran 16.7, iaitu 'Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, inklusif, berpenyertaan dan berperwakilan di semua peringkat' berkait rapat dengan isu kemiskinan di Sabah.

Institusi yang berkesan dan bertanggungjawab memastikan bahawa projek pembangunan infrastruktur, seperti jalan raya, bekalan air, dan kemudahan kesihatan, dilaksanakan dengan baik dan tepat pada masanya. Oleh itu, walaupun pelbagai peruntukan dan inisiatif telah dijalankan oleh pelbagai pihak berkepentingan, terdapat cabaran dan halangan yang timbul khususnya melibatkan masalah koordinasi daripada pelbagai agensi yang menyebabkan usaha ini tidak berkesan sepenuhnya dan menjadi kekangan dalam menyelesaikan isu kemiskinan.

Salah satu isu utama dalam usaha membasmi kemiskinan di Sabah adalah kelemahan sistem koordinasi dan ketelusan yang boleh mengakibatkan kelewatan projek dan pembaziran sumber, yang secara tidak langsung menyukarkan usaha kita untuk mencapai **SDG 1** secara keseluruhan. Untuk menyokong sasaran 16.6 dalam 'membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab, dan telus,' institusi berkepentingan perlu memainkan peranan utama dalam pelaksanaan dan penilaian strategi agar usaha untuk menghapuskan kemiskinan di Sabah dapat direalisasikan. Oleh yang demikian, terdapat dua cadangan indikator bagi sasaran 16.6 yang khusus kepada Sabah untuk memastikan dasar dan inisiatif kerajaan lebih berkesan, bertanggungjawab dan telus. Seterusnya, selari dengan sasaran 16.7, iaitu 'memastikan pembuatan keputusan yang responsif, inklusif, berpenyertaan dan berperwakilan,' satu cadangan adalah untuk mewujudkan indikator yang khusus kepada Sabah yang bakal menyokong penglibatan peringkat akar umbi dan wakil rakyat lebih inklusif dalam keputusan pembangunan ekonomi setempat. Cadangan-cadangan tersebut ialah:

1. Peratusan projek yang berjaya diselesaikan mengikut jadual dan peruntukan apabila melibatkan kerjasama antara kementerian persekutuan dan negeri setiap tahun (16.6);
2. Peratusan inisiatif yang mencapai matlamat yang ditetapkan dan memberi impak positif kepada pembasmian kemiskinan (16.6); dan
3. Perkadaran penglibatan pihak akar umbi, termasuk (a) wakil penduduk ; (b) wakil rakyat; dan (c) masyarakat sivil, dalam fasa cadangan, pemilihan, pemantauan, dan penilaian projek pembangunan setempat (16.7).

Bagi menyokong cadangan pertama dan kedua berkaitan sasaran 16.6 di atas, beberapa inisiatif boleh diambil. Pertama, penubuhan **Jawatankuasa Koordinasi Persekutuan-Wilayah atau memperkasa jawatankuasa sedia ada yang mempunyai fungsi serupa**. Jawatankuasa ini diwujudkan untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek dan inisiatif antara Kerajaan Persekutuan dan Wilayah untuk memastikan tiada pertindihan atau kekurangan dalam pembangunan. Selain itu, memastikan penyampaian maklumat dan keputusan antara kedua-dua pihak berjalan lancar agar isu kelewatan dan penyaluran dana yang lambat dapat dikurangkan dan dielakkan. Melalui jawatankuasa ini juga penglibatan pihak berkepentingan seperti masyarakat setempat, masyarakat sivil dan wakil rakyat dalam proses perancangan dan pelaksanaan projek dapat dipertingkatkan.

Bagi menyokong kepada cadangan ketiga yang berkaitan sasaran 16.7 pula, beberapa inisiatif dicadangkan. Pertama, adalah untuk menubuhkan sebuah **Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Akar Umbi** yang bebas daripada pengaruh politik untuk menyumbang idea-idea yang relevan dan praktikal untuk memastikan projek yang dipilih benar-benar memenuhi keperluan komuniti setempat. Jawatankuasa ini bukan bertindak sebagai pelaksana projek pembangunan tapi menjadi penasihat dan memantau kepada projek di akar umbi oleh wakil-wakil komuniti.

Kedua, adalah supaya setiap daerah mempunyai **profil cadangan pembangunan ekonomi** daerah di Sabah. Profil ini merupakan satu analisis yang boleh membantu memahami tahap pembangunan, kekuatan, kelemahan, serta potensi ekonomi setiap daerah. Profil ini penting untuk mengelakkan kelulusan projek yang tidak berimpak, dan supaya projek lebih berfokus serta sesuai dengan keperluan. Profil ini perlu sentiasa dikemaskini secara berkala. Setakat ini, terdapat beberapa usaha dijalankan oleh pejabat daerah masing-masing. Namun, usaha-usaha ini perlu diselaraskan agar dokumen yang dirujuk menjadi dokumen seragam, tetapi pada masa sama bersifat juga dinamik yang dapat disesuaikan mengikut perubahan semasa dan keperluan masa depan. Jawatankuasa Koordinasi Akar Umbi dengan kerjasama agensi

berkepentingan dan pakar rujuk daripada pelbagai bidang bertanggungjawab dalam penghasilan profil tersebut.

RUJUKAN

- Astro Awani. (2023, 30 Julai). Miskin Tegar: Kerajaan Beri Tumpuan kepada Sabah, Kelantan, Sarawak dan Kedah. Diambil dari Astro Awani.
- Berita Harian. (2023, 25 Julai). Kadar Miskin Mutlak Turun. Diambil dari Berita Harian.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Laman Web Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Diambil dari <https://www.dosm.gov.my>.
- Raiham, Mohd Sanusi (2024). Ketua Audit Negara tegur tiga projek lemah. Sinar Harian, https://www.sinarharian.com.my/article/673387/berita/nasional/ketua-audit-negara-tegur-tiga-projek-lemah#google_vignette
- Sinar Harian. (2023, 22 September). RMK-12: Strategi Bebaskan Sabah daripada Kemiskinan. Diambil dari Sinar Harian.
- Sustainable Development Solutions Network (SDSN). (n.d.). *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Diambil dari <https://sustainable-development-goals-sdsn.hub.arcgis.com>.

LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN

1.1 Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen, 29hb Februari 2024

NO.	ISU
1.	<p>Kesukaran mendapat peluang pekerjaan dan perolehan gaji yang rendah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merangkumi golongan yang sukar mendapat pekerjaan atau tiada pekerjaan, seperti kelompok B40, OKU, ibu tunggal, suri rumah, belia dan pelajar, pesara • Ramai golongan belia yang berpendidikan sampai ke tahap menengah sahaja. Ini menyukarkan mereka mendapat pekerjaan yang berpendapatan yang lebih daripada gaji minima • Kesukaran mendapat pekerjaan tetap. Kerja kontrak tidak mempunyai gaji minimum, RM1,500 • Eksploitasi pekerja-pekerja OKU dan ibu tunggal
2.	<p>Sistem sokongan yang kurang baik untuk pekerjaan atau perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contoh seperti keperluan pasaran yang lebih besar dan rentas kampung/bandar; kuasa membeli pelanggan yang lebih besar; dan jaringan lebih luas • Oleh kerana ramai daripada mereka yang bekerja kontrak, mereka tidak layak untuk mendapat KWSP atau PERKESO daripada majikan • Peniaga-peniaga kecil lazimnya terdiri daripada belia, ibubapa tunggal dan warga emas tidak mendapat perlindungan sosial
3.	<p>Jurang antara keperluan pekerjaan dan set kemahiran yang dimiliki atau sedia ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan untuk menjalankan latihan untuk kemahiran atau kelayakan baru bagi memenuhi tuntutan pekerjaan dan pasaran semasa/moden • Pelaksanaan program dan pembelajaran bagi latihan semula bagi memajukan kelayakan dan kemahiran yang sedia ada, seperti <i>reskilling</i>, <i>upskilling</i>

NO.	ISU
4.	Kesejahteraan komuniti di kawasan/kediaman pulau: <ul style="list-style-type: none"> • Perpecahan sosial • Tekanan ekonomi akibat tiada sumber pendapatan • Kemusnahan alam sekitar
5.	Sokongan formal atau informal untuk bangunkan perniagaan, keusahawanan
6.	Modenisasi dan perubahan struktur ekonomi: <ul style="list-style-type: none"> • Perubahan atau perkembangan dalam sistem ekonomi meninggalkan golongan yang dulunya mempunyai fungsi ekonomi, tetapi kemudiannya menjadi lewah (<i>redundant</i>) atau dipinggirkan • Khususnya, nelayan darat, nelayan laut, petani, pengutip hasil hutan dan tanaman
7.	Masalah kewangan dan tekanan ekonomi khususnya untuk usahawan kecil tempatan
8.	Pembangunan belia: <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan minat dalam pendidikan • Peningkatan minat terhadap kerja hakiki, contoh: pemandu gig, tukang cuci di negara jiran • Isu-isu sosial • Ketidakpadanan antara kemahiran dan latihan Pendidikan
9.	Kekangan dan kekurangan pemberdayaan ekonomi untuk Orang Asli dan Asal
10.	Mengarusperdanakan gender dalam keadaan kemiskinan: <ul style="list-style-type: none"> • Golongan ibu dan bapa tunggal perlukan sokongan untuk penjanaan pendapatan • Sokongan daripada segi penjagaan anak adalah kurang • Oleh kerana ramai ibubapa tunggal yang bekerja persendirian atau secara informal, ramai daripada mereka tidak layak mendapat sokongan daripada majikan atau Kerajaan

NO.	ISU
11.	Pembangunan tidak seimbang (Sabah, Sarawak): <ul style="list-style-type: none"> • Jalan raya yang tidak tar dan dalam keadaan tidak baik di kampung pedalaman • Kekurangan bekalan air yang dirawat • Kekurangan bekalan elektrik • Ketiadaan kemudahan asas, contoh: bank

1.2 Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Sabah untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak, 11hb Mei 2024

ISU UTAMA	PENJELASAN
1. Pembangunan tidak Seimbang di Wilayah Sabah	
1.1 Isu Kekurangan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas	Kemudahan Jalan Raya yang Sangat Daif Projek pembangunan sukar dilaksanakan disebabkan akses jalan raya sangat teruk Hasil tani Sayuran dan buah-buahan tidak dapat dipasarkan keluar ke pekan untuk dijual disebabkan jalan raya teruk Permohonan bantuan untuk miskin tegar melalui atas talian, tetapi ketiadaan akses Internet menyukarkan golongan miskin untuk memohon dan sejurus itu menyebabkan mereka tercicir dan sukar untuk keluar daripada kepompong kemiskinan
1.2 Isu Peruntukan dan kekangan kewangan	Gesaan untuk mempercepatkan pembayaran 40% hasil kepada negeri Sabah merujuk kepada Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Dana ini penting

	untuk pembangunan infrastruktur, pendidikan, dan kesihatan, serta untuk menangani kemiskinan yang tinggi di Sabah.
2. Koordinasi Program Pembangunan	
2.1 Penglibatan Ahli Parlimen dalam projek pembangunan	Projek pembangunan yang dilaksanakan tidak mengikut cadangan asal kerana hanya terlibat dalam peringkat cadangan. Mereka tidak dilibatkan dengan proses pemilihan dan kelulusan projek pembangunan di kawasan mereka
	Projek pembangunan yang melibatkan konflik diantara politik dan prioriti. Terdapat projek ekonomi yang diluluskan bukan keperluan kawasan mereka dalam usaha membasmi kemiskinan.
	Masa yang diambil terlalu lama untuk meluluskan projek pembangunan
2.2 Pengagihan projek kemiskinan tidak bersasar	Bagi kawasan yang diduduki oleh ramai penduduk berstatus miskin tegar tidak mendapat perhatian
	Fokus kepada kawasan penduduknya padat, namun komuniti miskin biasanya tinggal kawasan terpencil dan dengan penduduk yang kurang ramai.
	Kecenderungan politik dalam pengagihan sumber dan pembiayaan projek.
3. Peluang Ekonomi (pekerjaan dan perniagaan) yang Terhad	
3.1 Kesukaran mendapat peluang pekerjaan	Disebabkan ketiadaan pembangunan belia terpaksa berhijrah ke kawasan bandar
	Isu logistik dan keadaan jalan yang teruk menyebabkan sukar untuk bekerja di pekan berdekatan.
	Golongan wanita sebagai suri rumah tangga, ibu tunggal, dan yang berumur, sukar untuk mendapat pekerjaan walaupun sebagai pekerja sambilan atau sementara.

3.2 Penurunan pendapatan	Nelayan berkurang disebabkan larangan menangkap hasil laut 2 batu nautika. Kebanyakan nelayan mengadu diangkat ditahan, dikenakan denda Birokrasi permohonan lesen dan tapak perniagaan sendiri dan tidak mencukupi.
3.3 Kekurangan infrastruktur asas yang membolehkan aktiviti perniagaan dan boleh menjana pendapatan.	Bekalan elektrik yang sentiasa terganggu Kekurangan air yang terawat Keadaan jalan yang tidak bertar Tiada jalan raya Tiada lampu jalan
4. Isu-isu Lain yang Dibincangkan	
3.3 Isu Dokumentasi	Ketiadaan dokumen menyebabkan ramai yang terlibat dengan keciciran pendidikan dan peluang pekerjaan.

1.3 Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Sabah dan Sarawak untuk Sesi FGD Ketiga bersama Ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 17hb Julai 2024

NO.	ISU UTAMA	PENERANGAN	KAWASAN PARLIMEN
1.	Ketidakseimbangan pembangunan di Sabah dan Sarawak	Pemboleh daya utama ekonomi (<i>Key economic enabler</i>) yang masih pada tahap yang rendah. Ini termasuk kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air yang masih menjadi isu utama di banyak kawasan Sabah dan Sarawak. Masih banyak kawasan kampung yang belum mempunyai jalan bertar dan dalam keadaan tidak memuaskan. Misalnya di Parlimen Ranau, kawasan pendalaman seperti Ulu Sugut dan Tiang Lama	2020 - Bandar Kuching, dan Papar 2021 - Selangau, Kota Belud, dan Libaran 2022 - Baram, Beaufort, Kalabakan, Keningau, Kudat,

		<p>memerlukan kenderaan pacuan 4 roda disebabkan keadaan jalan utama yang tidak berturap, licin dan curam. Hal ini menyebabkan kos pengangkutan ditanggung oleh penduduk, petani dan peniaga tinggi. Kawasan kampung, Parlimen dan wilayah Sabah dan Sarawak yang luas menyebabkan projek pembangunan tidak menyeluruh dengan dana pembangunan yang ada tidak mencukupi.</p>	<p>Lahad Datu, Tenom, Tanjung Manis, Serian</p> <p>2023 - Kudat, Beluran, Ranau, Julau, Miri, Puncak Borneo, Saratok, dan Sandakan</p>
2.	<p>Peluang ekonomi (pekerjaan dan perniagaan) yang terhad</p>	<p>Merangkumi golongan yang sukar mendapat pekerjaan atau tiada pekerjaan, seperti kelompok B40, OKU, ibu tunggal, suri rumah dan belia.</p> <p>Sistem sokongan yang kurang baik untuk pekerjaan atau perniagaan terutamanya di kawasan luar bandar dan pendalaman.</p> <p>Jurang antara keperluan pekerjaan dan set kemahiran yang dimiliki atau sedia ada. Graduan dan belia misalnya tidak mempunyai peluang untuk mencari pekerjaan yang sesuai kerana pilihan pekerjaan yang terhad.</p> <p>Peluang pekerjaan juga terbatas untuk individu yang tidak mempunyai dokumen pengenalan lengkap atau sah. Ketiadaan dokumen menyebabkan ramai yang terlibat dengan keciciran pendidikan dan mempunyai peluang terhad dalam pekerjaan.</p> <p>Aktiviti ekonomi terhad - kurangnya aktiviti penghiliran ataupun hiliran (<i>downstream</i>) di Sabah dan Sarawak.</p>	<p>2020 - Papar, Pensiangan, Bandar Kuching</p> <p>2021 - Libaran, Tawau, Kota Belud, Selangau</p> <p>2022 - Beaufort, Tenom, Kalabakan, Keningau, Lahad Datu, Baram, Kota Samarahan</p> <p>2023 - Kudat, Ranau, Beluran, Sandakan, Julau, Saratok</p>

		Kecenderungan belia terpaksa berhijrah ke Semenanjung Malaysia untuk mencari pekerjaan yang bergaji lebih tinggi.	
3.	Kemiskinan berdasarkan gender	<p>Golongan ibu dan bapa tunggal perlukan sokongan untuk penjanaan pendapatan. Misalnya dapatan APPGM-SDG di beberapa tempat contohnya Parlimen Beaufort, ketua isi rumah wanita lebih miskin daripada ketua isi rumah lelaki.</p> <p>Sokongan daripada segi penjagaan anak adalah kurang menyebabkan ramai golongan ibu atau bapa tunggal tidak dapat bekerja tetap.</p> <p>Oleh kerana ramai ibubapa tunggal yang bekerja persendirian atau secara informal, ramai daripada mereka tidak layak mendapat sokongan daripada majikan atau kerajaan.</p> <p>Penyertaan wanita dalam ekonomi produktif juga rendah di kawasan luar bandar disebabkan komitmen dan penjagaan keluarga.</p>	<p>2021 - Batang Lupar, Kota Belud, Libaran</p> <p>2022 - Kalabakan, Keningau, Tenom, Serian</p> <p>2023 - Beluran, Ranau, Sandakan, Miri, Saratok, Puncak Borneo, Beluran dan Kudat</p>

1.4 Maklum Balas Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Ketiga bersama Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan, 17hb Julai 2024 dan Sesi FGD Keempat bersama Agensi-Agensi Kerajaan Sabah, 5hb Ogos 2024

NO.	ISU UTAMA	PENERANGAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN/AGENSI KERAJAAN
1. Ketidakseimbangan Pembangunan di Sabah dan Sarawak			
1.1	Isu Kekurangan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas	<p>1. Pemboleh daya utama ekonomi (<i>Key economic enabler</i>) yang masih pada tahap yang rendah. Ini termasuk kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air yang masih menjadi isu utama di banyak kawasan Sabah</p> <p>2. Masih banyak kawasan kampung yang belum mempunyai jalan bertar dan dalam keadaan tidak memuaskan. Misalnya di Parlimen Ranau, kawasan pendalaman seperti Ulu Sugut dan Tiang Lama memerlukan kenderaan pacuan 4 roda disebabkan keadaan jalan utama yang tidak berturap, licin dan curam. Hal ini menyebabkan kos pengangkutan ditanggung oleh penduduk, petani dan peniaga tinggi.</p>	<p>Kementerian Ekonomi (KE)</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjadi keutamaan dalam RMK-12 dan Inisiatif berterusan dalam Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Sabah dan Sarawak 2040 Usaha berterusan untuk memperluaskan bekalan elektrik dan memperkenalkan sistem grid negeri termasuk sistem alternatif seperti solar hibrid dan hidro kecil di kawasan-kawasan yang bersesuaian. Meninjau teknologi khusus seperti industri aero-angkasa Kerajaan negeri boleh mengemukakan <i>wish-list</i> kepada pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian berkaitan bagi meneroka projek-projek. <p>Kementerian Komunikasi (KK)</p> <p>Untuk infrastruktur, KK telah menjalankan beberapa projek <i>point-of-presence</i> (POP). Fasa 1 telah pun siap dan sekarang projek berada di fasa 2. Setakat ini bagi Sabah</p>

			<p>masih kosong (disebabkan masalah dengan syarikat) manakala Sarawak telah ada 156 POP.</p> <p>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Fokus MOSTI adalah kepada inovasi sosial melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan mencadangkan untuk mewujudkan Pusat Galakan Inovasi (IDC) di setiap kawasan parlimen untuk menggalakkan inovasi daripada rakyat kepada rakyat. Oleh itu, penglibatan Ahli-Ahli Parlimen adalah penting dalam isu penggalakan inovasi ini.</p> <p>Jabatan Kerja Raya Jalan yang berturap adalah sebanyak 5378.669 km, jalan tidak berturap iaitu batu kelikir adalah sebanyak 3492.468 km, dan jalan tanah adalah sebanyak 158.701 km.</p> <p>Berhubung isu utiliti (air) , terdapat 2 isu yang utama: 1) Air yang terawat yang dikendalikan oleh Jabatan Air; dan 2) Air graviti – rakyat Sabah masih suka guna air graviti ini terutamanya di luar bandar. Kemudahan ada, cuma penerimaan daripada rakyat itu berbeza</p> <p>Isu utama adalah dana yang tidak mencukupi</p>
		1. Kawasan kampung, Parlimen dan wilayah Sabah dan Sarawak yang luas	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

		menyebabkan projek pembangunan tidak menyeluruh dengan dana pembangunan yang ada tidak mencukupi.	<ul style="list-style-type: none"> • (2024) Sabah menerima peruntukan terbesar untuk penambahbaikan infrastruktur (RM51 juta)- meliputi 246 projek. Kedua, Sarawak (RM25 juta) - projek sebanyak 133 • Terdapat majlis-majlis perbandaran staf kekurangan pengetahuan teknikal – tidak berkeupayaan membuat kertas kerja untuk memohon geran/dana
1.2	Kadar insiden kemiskinan tegar lebih tinggi berbanding negeri lain	2. Indikator dan inisiatif pembasmian kemiskinan di peringkat negeri Sabah	<p>Kementerian Kewangan Negeri Sabah</p> <p>Prestasi projek yang diberi peruntukan adalah bagus, tapi tidak nampak di peringkat lapangan siapa yang tengok aspek pembasmian kemiskinan</p> <p>Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ), Jabatan Ketua Menteri Sabah</p> <p>Kerajaan negeri Sabah telah mewujudkan satu indeks multidimensi. Terdapat 13 indikator kesemuanya. Pelbagai program telah dilaksanakan untuk menghapuskan kemiskinan tegar di Sabah.</p>
2. Peluang Ekonomi (pekerjaan dan perniagaan) yang Terhad			
2.1	Keterbatasan peluang pekerjaan &	1. Merangkumi golongan yang sukar mendapat pekerjaan atau tiada pekerjaan, seperti kelompok B40, OKU, ibu tunggal, suri rumah dan belia.	<p>Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)</p> <p>Berdasarkan MyFutureJobs, 5 bidang tertinggi di Sabah pada tahun 2023 adalah: 1) accommodation and food</p>

	pendapatan	<ol style="list-style-type: none"> 2. Sistem sokongan yang kurang baik untuk pekerjaan atau perniagaan terutamanya di kawasan luar bandar dan pendalaman. 3. Jurang antara keperluan pekerjaan dan set kemahiran yang dimiliki atau sedia ada. Graduan dan belia misalnya tidak mempunyai peluang untuk mencari pekerjaan yang sesuai kerana pilihan pekerjaan yang terhad. 4. Kecenderungan belia terpaksa berhijrah ke Semenanjung Malaysia untuk mencari pekerjaan yang bergaji lebih tinggi. 5. Aktiviti ekonomi terhad - kurangnya aktiviti penghiliran ataupun hiliran (<i>downstream</i>) di Sabah dan Sarawak. 	<p>services (11,600 kekosongan); 2) construction and building (11,000 kekosongan); 3) manufacturing (10,000 kekosongan); 4) wholesale, retail and repair of motor vehicle and motorcycle (9,000 kekosongan); dan 5) professional activities – scientific and specialised design activities (7,000 kekosongan). Namun begitu, sambutan terhadap peluang-peluang pekerjaan ini tidak diimbangi oleh supply.</p> <p>Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Sabah (SEDIA)</p> <p>SEDIA juga berusaha untuk meningkatkan daya saing industri-industri di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, pihak industri mengalami masalah untuk menarik tenaga kerja. Tetapi pada masa yang sama, kadar pengangguran di negeri Sabah adalah tinggi.</p> <p>Yayasan Sabah</p> <p>Belia tidak berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perladangan - ada yang bertahan selama hanya 3-6 bulan</p>
2.2	Isu dokumentasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peluang pekerjaan juga terbatas untuk individu yang tidak mempunyai dokumen pengenalan lengkap atau sah. Ketiadaan dokumen menyebabkan ramai yang terlibat dengan keciciran pendidikan dan 	Tidak ada maklum balas berkenaan isu dokumentasi

		mempunyai peluang terhad dalam pekerjaan.	Namun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi maklum balas isu kemiskinan dan jarak sekolah menyebabkan keciciran pelajar di luar bandar
2.3	Program Pembangunan Ekonomi	2. Kekurangan program latihan dan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar	<p>Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI)</p> <p>Cabaran yang ada untuk membangunkan sektor pertanian ini adalah dari segi kewangan - Sabah perlu minta dan dapat hanya sedikit peruntukan dan peruntukan lambat turun ke negeri</p> <p>Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB)</p> <p>Satu lagi kekangan adalah infrastruktur untuk menjalankan program ekonomi di kawasan luar bandar</p> <p>Institute for Development Studies (IDS) Sabah</p> <p>Ekosistem keusahawanan sosial belum ada dan seharusnya fokus kepada ekonomi akar umbi seperti keusahawanan sosial (<i>social entrepreneurship</i>), pelancongan berasaskan komuniti (<i>community based tourism</i>) dan seni dan kebudayaan (<i>arts and culture</i>).</p> <p>Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS)</p>

			<p>Majlis Pelancongan ada di peringkat daerah dan boleh bekerjasama dengan persatuan-persatuan tersebut. Input patut diambil daripada pihak GLC, sektor swasta dan juga pemain industri tentang bagaimana membangunkan aktiviti ekonomi</p> <p>Yasasan Sabah Yayasan telah melatih lebih 20,000 orang dalam sektor kraf tangan tetapi tidak dapat mengkomersialkan sektor tersebut kerana aktiviti kraftangan dilihat sebagai aktiviti masa lapang. Isu tradisi juga menjadi satu faktor. Pengeluaran juga menjadi masalah kerana kraf tangan bergantung kepada kreativiti manusia, sukar untuk kita mesinkan atau modenkan.</p>
3. Kemiskinan berdasarkan gender			
3.	Kemiskinan berdasarkan gender	<ol style="list-style-type: none"> 1. Golongan ibu dan bapa tunggal perlukan sokongan untuk penjanaan pendapatan. Misalnya dapatan APPGM-SDG di beberapa tempat contohnya Parlimen Beaufort, ketua isi rumah wanita lebih miskin daripada ketua isi rumah lelaki. 2. Sokongan daripada segi penjagaan anak adalah kurang menyebabkan ramai golongan ibu atau bapa tunggal tidak dapat bekerja tetap. 	<p>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan pelbagai program untuk wanita yang berumur 18 tahun dan ke atas yang merangkumi semua kumpulan isi rumah</p> <p>29% peruntukan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah diberikan kepada Sabah dan Sarawak. Dari segi pecahan, rekod pada tahun lepas menunjukkan RM1.6 bilion telah disalurkan kepada Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah itu, Sabah mendapat</p>

	<p>3. Oleh kerana ramai ibubapa tunggal yang bekerja persendirian atau secara informal, ramai daripada mereka tidak layak mendapat sokongan daripada majikan atau kerajaan.</p> <p>4. Penyertaan wanita dalam ekonomi produktif juga rendah di kawasan luar bandar disebabkan komitmen dan penjagaan keluarga.</p>	RM953 dan Sarawak mendapat RM731 juta daripada keseluruhan peruntukan.
--	--	--

NO.	ISU-ISU UTAMA	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	MAKLUM BALAS/CADANGAN AHLI-AHLI PARLIMEN
1.	Isu Utama Pertama: Pembangunan Tidak Seimbang di Negeri Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan agar setiap daerah mempunyai profil cadangan pembangunan ekonomi daerah di Sabah. 2. Kekangan yang dihadapi adalah dari segi logistik dan keadaan negeri Sabah yang besar yang menyukarkan agensi seperti SEDCO untuk mempercepatkan kemajuan 3. Peruntukan kewangan negeri yang sangat terhad dan bergantung dengan peruntukan dari persekutuan 4. Peruntukan atau bantuan kewangan perlukan lebih inklusif dan mengambil kira aspek seperti sosioekonomi dan geografi di Sabah. Pengagihan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ahli Parlimen menyokong cadangan untuk adanya profil ekonomi setiap daerah dan kawasan. 2. Projek pembangunan perlu mengikut <i>time frame</i> yang ditetapkan. 3. Perlu ada ketelusan dalam melaporkan keadaan sebenar pembangunan di Sabah agar isu pembangunan sebenar dalam diselesaikan dengan lebih proaktif.

		<p>peruntukan perlu berasaskan keperluan tempatan atau <i>local-based</i>.</p> <p>5. Menggalakkan agar pihak swasta dan GLC untuk memberikan input dan cadangan dalam pembangunan ekonomi di daerah-daerah Sabah.</p> <p>6. Pelabur yang merasakan Sabah bukan tempat yang selamat contohnya setelah berlakunya isu di Lahad Datu.</p>	<p>4. Sabah juga tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membuat program secukupnya untuk membangunkan ekonomi</p> <p>5. Peruntukan yang tidak habis digunakan terpaksa dipulangkan ke persekutuan. Hal ini menyebabkan banyak program pembangunan yang dirancang tidak dapat dijayakan.</p>
2.	Isu Utama Kedua: Kelemahan Koordinasi Negeri dan Persekutuan	<p>1. Isu utama melibatkan kelewatan dan ketidakseimbangan dalam agihan peruntukan dari kerajaan persekutuan kepada negeri Sabah. Walaupun bajet diumumkan awal, dana yang diperuntukkan sering kali lambat disalurkan, menyebabkan projek pembangunan tidak dapat dimulakan atau disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Proses dokumentasi yang banyak serta kelulusan yang lambat, memperlambatkan pelaksanaan projek.</p>	<p>1. Ahli parlimen sering kali hanya terlibat dalam peringkat awal, iaitu pada fasa cadangan, tetapi tidak dilibatkan dalam proses seterusnya, seperti pemilihan, pemantauan, dan penilaian projek. Pemakluman berkenaan projek yang diluluskan juga tidak dimaklumkan kepada ahli parlimen.</p>
3.	Isu Utama Ketiga: Ekonomi Inklusif	<p>1. Kerajaan negeri Sabah di bawah SMJ telah mewujudkan satu indeks multidimensi untuk mengukur kemiskinan.</p> <p>2. Cadangan supaya gaji minima untuk sektor 3D dan perladangan sepatutnya dinaikkan sedikit daripada RM1,500 supaya berbaloi dan orang</p>	<p>1. Kemiskinan perlu dilihat dari sudut pelbagai dimensi bukan hanya pendapatan semata-mata.</p> <p>2. Terdapat ahli parlimen yang mendakwa bahawa perbezaan ideologi antara Ahli Parlimen (MP)</p>

		<p>Sabah tidak lari ke Semenanjung untuk bekerja di kilang dan terus bekerja di ladang-ladang.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Fokus kepada Ekonomi Akar Umbi 4. Terdapat pelbagai inisiatif latihan dan ekonomi kepada wanita dan OKU namun cabaran adalah kos logistik di kawasan luar bandar dan pendalaman Sabah. 5. Data e-Kasih hanya mengambil kira penduduk warganegara sahaja. Manakala status ekonomi bukan warganegara tidak direkodkan. 6. Tiada pekerjaan di Sabah untuk bidang seperti sains menyebabkan belia akan berhijrah keluar ke negeri-negeri lain dari Sabah. 	<p>dan kerajaan pusat boleh menimbulkan masalah dalam penyaluran peruntukan</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Kategori miskin adalah kategori yang perlu fokus untuk jangka masa panjang kerana ini adalah kategori yang lebih besar berbanding kategori miskin tegar.
--	--	--	---

**LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 29hb Februari 2024**

NO.	AHLI PARLIMEN	ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL
1	YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy - Kota Belud (Pengerusi Bersama)	APPGM-SDG
2	YB Tuan Rushdan bin Rusmi - Padang Besar (Pengerusi Bersama)	Malaysian-CSO SDG Alliance
3	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan - Tasek Gelugor	Yayasan Kajian dan Pembangunan Masyarakat
4	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas - Mersing	PROHAM
5	YB Dr. Hajah Halimah Ali - Kapar	FOMCA
6	YB Tuan Mordi anak Bimol - Mas Gading	PRISMA
7	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid - Bukit Bendera	PSSM
8	YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor - Temerloh	URBANICE Malaysia
9	YB Dr. Siti Mastura binti Muhammad - Kepala Batas	
10	YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi - Kuala Langat	

LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN SABAH DAN SARAWAK UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 11hb Mei 2014

NO.	AHLI PARLIMEN	ORGANISASI
1	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib - Mukah	Institute For Development Studies (IDS Sabah)
2	YB Datuk Wetrom bin Bahanda - Kota Marudu	
3	YB Tuan Riduan bin Rubin - Tenom	
4	YB Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy - Kalabakan	
5	YB YB Dato' Verdon bin Bahanda - Kudat	
6	YB Tuan Lo Su Fui - Tawau	
7	YB Tuan Mordi anak Bimol - Mas Gading	
8	YB Senator Isaiah a/l D. Jacob	

LAMPIRAN 4: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KETIGA – 17hb Julai 2024

NO.	AHLI PARLIMEN	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN
1	YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy - Kota Belud	Kementerian Ekonomi (KE)
2	YB Tuan Rushdan Rusmi - Padang Besar	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
3	YB Dr. Haji Abd Ghani bin Ahamd - Jerlun	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)
4	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas - Mersing	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)

5	YB Tuan Mordi anak Bimol - Mas Gading	Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
6	YB Datuk Ali anak Biju - Saratok	Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)
7	YB Tuan Jamaludin - Pasir Salak	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)
8	YB Dr. Hajah Halimah Ali - Kapar	Kementerian Komunikasi (KOMUNIKASI)
9	YB Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shein - Julau	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
10	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan Harun - Hulu Selangor	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
11		SME Corp. Malaysia
12		Jabatan Pembangunan Wanita

**LAMPIRAN 5: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN AGENSI KERAJAAN WILAYAH SABAH
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEEMPAT – 5hb Ogos 2024**

NO.	AHLI PARLIMEN	AGENSI KERAJAAN WILAYAH SABAH
1	YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy – Kota Belud	Jabatan Ketua Menteri
2	YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan – Keningau	Kementerian Kerja Raya Sabah (KKRS)
3	YB Datuk Matbali bin Musah - Sipitang	Kementerian Kewangan Negeri Sabah
4	YB Puan Vivian Wong Shir Yee – Sandakan (Diwakili oleh Janice Chin)	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB)
5	YB Datuk Jonathan bin Yasin – Ranau (Diwakili oleh Ivan Mario)	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
6		Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM)
7		Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) Sabah

8	Yayasan Sabah
9	Pejabat Pembangunan Negeri Sabah
10	PPN Sabah - ICU JPM
11	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO)
12	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
13	KPP - Jabatan Tenaga Kerja Sabah
14	Timbalan Pengarah Pendidikan
15	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar (KePKAS)
16	Kementerian Pertanian, Perikanan Dan Industri Makanan Sabah (MAFFI)
17	UiTM Sabah
18	Advocates For Non-Discrimination And Access To Knowledge (ANAK)
19	Institute Of Development Studies (IDS Sabah)



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPM-023-14-07012020)

📍 A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen
8 Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>

